

37 premis diperiksa sempena Ops Catut 6.0

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjalankan pemeriksaan ke atas 37 premis sempena Ops Catut 6.0 yang bermula sejak 1 Disember lalu.

Pengarah KPDNHEP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ariffin Samudin berkata, kesemua premis terlibat dikehendaki mengemukakan maklum balas harga jualan dan kos 185 barang dalam tempoh lima hari.

Menurutnya, tindakan tegas boleh dikenakan terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan di bawah Akta Kawalan Harga dan Pencatutan 2011 iaitu mekanisme menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah.

"Individu yang gagal mengemukakan maklum balas notis boleh dikenakan denda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

"Bagi syarikat pula boleh didenda sehingga RM500,000 bagi kesalahan



Ariffin (dua dari kiri) mendapatkan penerangan daripada pengurusan Pusat Pemborong Shuang Lim Cash & Carry di Jalan Genting Klang semasa pemantauan harga sempena Ops Catut 6.0 semalam.

pertama dan tidak melebihi RM1 juta bagi kesalahan kedua dan berikutnya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan pemantauan harga sempena Ops Catut 6.0 di Pusat Pemborong Shuang Lim Cash & Carry di Jalan Genting Klang di sini semalam.

Ariffin berkata, Ops Catut 6.0 bertujuan mngesan kenaikan harga sebelum Program Subsidi Petrol (PSP) bermula 1 Januari depan.

"Operasi ini melibatkan beberapa rantaian bekalan

bermula pengilang, pemasaran am, pengedar, pemborong dan peruncit.

"Ia menumpukan lima kategori produk antaranya makanan dan minuman, barang keperluan isi rumah, barang elektrik, perabot, tekstil serta kasut," katanya.

Katanya, pegawai penguat kuasa ditempatkan di lokasi terpilih yang menjadi tumpuan orang ramai bagi mewujudkan ruang perselikitan perniagaan selamat dan beretika melalui kehadiran penguat kuasa.

HARI : KHAMIS
TARIKH : 19/12/2019
M/SURAT : 1

Ayuh... Beli Sekong & Beli

Produk Malaysia hebat,
setaraf jenama antarabangsa!

KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA

#barangbaikbarangkit

www.kpdnhep.gov.my

mykpdnhep

@mykpdnhep

kpdnhep

RUMAH PEMERINTAH

